



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 29 MEI 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **66 kes yang telah pulih** dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **6,235 kes** (80.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 29 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **103 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **7,732 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,382 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan. Lonjakan kes baharu dilaporkan pada hari ini adalah disebabkan oleh kes di kalangan bukan warganegara.

Ingin dimaklumkan daripada 103 kes baharu yang dilaporkan, tujuh (7) kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara. Daripada 96 kes penularan tempatan, 84 kes adalah kes bukan warganegara Malaysia di mana 53 kes dikesan daripada Kluster Pedas dan 24 kes daripada Kluster Syarikat Pembersihan. Oleh itu, kes penularan tempatan di kalangan warnanegara Malaysia adalah 12 kes sahaja.

Sehingga kini, seramai lapan (8) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, dua (2) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dimaklumkan bahawa **tiada kes kematian** berkaitan COVID-19 dilaporkan hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak **115 kes** (1.49 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

## **KLUSTER SYARIKAT PEMBERSIHAN**

KKM telah mengenalpasti satu kluster yang melibatkan pekerja bukan warganegara Malaysia di sebuah syarikat pembersihan. Sehingga 29 Mei 2020 jam 12 tengah hari, sebanyak 24 kes positif COVID-19 telah dilaporkan dalam kluster ini yang melibatkan warganegara Bangladesh.

Kes-kes positif ini dikesan oleh sebuah klinik swasta yang telah menjalankan saringan COVID-19 ke atas pekerja-pekerja sebuah syarikat pembersihan. Saringan ini telah dijalankan sebagai inisiatif pihak majikan untuk menyaring pekerja mereka. Secara keseluruhannya, daripada 150 pekerja bukan warganegara dari syarikat tersebut yang telah disaring, 126 kes didapati negatif COVID-19.

Daripada 24 kes positif kluster ini, 20 daripada mereka menginap di sebuah asrama di Kuala Langat, Selangor dan kini dirawat di Hospital Sungai Buloh. Empat (4) kes lagi menginap di sebuah pangsapuri di Nilai, Negeri Sembilan dan kini dirawat di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban.

Langkah-langkah pembendungan dan pencegahan seterusnya telah diambil seperti mengenalpasti dan menjalankan ujian saringan COVID-19 ke atas semua penghuni dan kontak rapat mereka termasuk pekerja bukan warganegara yang bertugas di unit lain. Setakat ini seramai 428 kontak rapat telah dikenalpasti dan akan disaring.

## **TINDAKAN SEGERA BAGI MENGATASI MASALAH PENGINAPAN PEKERJA BUKAN WARGANEGARA**

Seperti yang telah dimaklumkan KKM sebelum ini, didapati kebanyakan kluster yang melibatkan bukan warganegara adalah berpunca daripada penginapan yang sesak dan mempunyai ruang yang sempit mengakibatkan tiada amalan

penjarakan sosial (*social distancing*). Ini adalah medium yang amat sesuai untuk penularan pelbagai penyakit berjangkit, termasuk virus COVID-19.

Sehubungan itu, KKM menyambut baik pengumuman YB Menteri Sumber Manusia pada 27 Mei 2020, mengenai penguatkuasaan pindaan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446). Pindaan tersebut adalah bagi menambahbaik Garis Panduan Penginapan Pekerja Asing 2018 yang telah disediakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM).

Isu ini sememangnya perlu ditangani **segera** bagi memastikan penginapan golongan pekerja yang tidak kondusif di mana sukar untuk mematuhi amalan penjarakan sosial. Selain itu, majikan juga bertanggungjawab untuk memberi pendidikan kepada pekerja mereka tentang amalan kebersihan, langkah pencegahan jangkitan COVID-19 di tempat tinggal, dan juga pematuhan kepada pelbagai SOP yang telah dibangunkan Kerajaan untuk industri termasuk pergerakan pekerja.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihatkan orang ramai supaya terus patuh kepada segala nasihat dan saranan yang sering ditekankan Kerajaan. Jadikanlah amalan-amalan berikut sebagai norma dan kebiasaan baharu dalam kehidupan seharian, antaranya:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak** (*Crowded place*), elakkan kawasan yang **sempit** (*Confined space*) dan elak **sempang** atau bertutur dengan jarak yang **dekat** (*Close conversation*).
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elak bersalaman / bersentuhan;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
  - Duduk di rumah dan elakkan amalan kunjung-mengunjung;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

29 Mei 2020 @ 5.00 petang

## LAMPIRAN 1

### BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA (SEHINGGA 29 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *( )	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	96
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	255
SELANGOR	28 (4)	1,873
NEGERI SEMBILAN	59	852
MELAKA	0	216
JOHOR	3	674
PAHANG	1	346
TERENGGANU	0	111
KELANTAN	0	156
SABAH	2	346
SARAWAK	0	552
W.P. KUALA LUMPUR	10 (3)	2,007
W.P. PUTRAJAYA	0	93
W.P. LABUAN	0	16
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>103 (7)</b>	<b>7,732</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import